
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

**Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2002/2003**

Februari/Mac 2003

JIF 419 – Sains Bahan

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **LIMA** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **LIMA** (5) daripada **ENAM** (6) soalan yang disediakan.

Baca arahan dengan teliti sebelum anda menjawab soalan.

Setiap soalan diperuntukkan 20 markah

1. (a) Lakarkan sel-sel unit tiga jenis struktur hablur yang lazimnya ditemui di dalam logam dan berikan contoh dua logam yang berhablur kepada setiap jenis struktur.

(9 markah)

- (b) Huraikan tentang jumlah atom yang terkandung di dalam sel-sel unit bagi setiap jenis struktur hablur tersebut.

(5 markah)

- (c) Lakarkan suatu sel-unit bagi sistem hablur kubus berpusatkan muka dan tunjukkan kedudukan (lorekkan) satah (100), (110) dan (111).

(3 markah)

- (d) Lakarkan dan lorekkan satah-satah (0001), ($10\bar{1}1$) dan ($\bar{1}010$) dalam sistem hablur heksagon.

(3 markah)

2. (a) Huraikan dengan berbantuan lakaran skema perbezaan antara resapan kekosongan (vacancy diffusion) dan resapan interstis (Interstitial diffusion).

(4 markah)

- (b) Tuliskan nota ringkas tentang Hukum Kedua Fick.

(8 markah)

- (c) Pekali resapan (diffusion coefficient) bagi kuprum dalam aluminium pada suhu 500 dan 600°C masing-masing ialah 4.8×10^{-14} dan $5.3 \times 10^{-13} \text{ m}^2/\text{s}$.

Tentukan anggaran masa pada 500°C yang akan menghasilkan resapan yang setara dengan suatu rawatan (treatment) haba selama 10 jam pada 600°C.

(8 markah)

3. (a) Terangkan perbezaan antara aloi ferrus dan aloi tak ferrus.

(4 markah)

- (b) (i) Apakah yang dimaksudkan dengan suatu kehelan (dislocation).

- (ii) Tunjukkan dengan bantuan lakaran suatu kehelan skrew (screw dislocations) yang menunjukkan satah gelincir (slip plane) yang berkaitan.

(6 markah)

- (c) Terangkan maksud istilah-istilah berikut:

- (i) Hablur tunggal (single crystal).
- (ii) Bahan polihablur (polycrystalline material).
- (iii) Anisotropi (Anisotropy).
- (iv) Arah kristalografi (Crysptallographic directions).

(10 markah)

4. (a) Terangkan maksud pempolimeran (polimerization).

(5 markah)

- (b) Perihalkan bagaimana proses pencabangan (branching) dapat berlaku dan bagaimana ia dapat mengubahsuaikan kekuatan suatu polimer.

(6 markah)

- (c) Terangkan sifat-sifat tiga kumpulan polimer yang utama berikut:

- (i) polimer termoplastik (thermoplastic)
- (ii) polimer termoset (thermosetting)
- (iii) elastomers.

(9 markah)

5. (a) Terangkan perbezaan antara suatu kaca dan suatu bahan seramik.

(2 markah)

- (b) (i) Beri takrif modulus patahan (modulus of rupture) bagi suatu seramik.

- (ii) Terangkan bagaimana suatu seramik itu gagal berfungsi.

(4 markah)

- (c) Terangkan kenapa kaca mempunyai kerintangan rendah terhadap kejutan terma dan seramik kejuruteraan mempunyai kerintangan yang tinggi.

(6 markah)

- (d) Tingkap suatu ‘kebuk’ vakum diperbuat daripada kaca. Ujian ke atas suatu sampel kaca menghasilkan kekuatan tensil kesetaraan 50 MPa selepas 6 minit.

Tentukan stress maksimum yang dapat dikenakan kepada tingkap tersebut agar menepati 1000 jam hayat rekaan berdasarkan eksponen masa bagi kaca $n = 10$.

(8 markah)

6. Tuliskan nota ringkas beserta contoh-contoh huraian yang didapati pada bahan berkenaan yang bersifat berikut:

- (i) pengembangan terma
- (ii) kesuperkonduksian
- (iii) gelombang magnet
- (iv) kefotokonduksian.

(20 markah)

- 0000000 -